

KRONOLOGI PERMOHONAN UNTUK MEMINDA SYARAT NYATA DARIPADA 'BANGUNAN HOTEL, PERNIAGAAN DAN SERVICE APARTMENT' KEPADA 'KEDIAMAN DAN PERNIAGAAN' DAN MENUKAR JENIS PEGANGAN TANAH DARIPADA 'PAJAKAN' KEPADA 'PEGANGAN KEKAL' KE ATAS LOT 408, SEKSYEN 19, BANDAR GEORGE TOWN, DAERAH TIMUR LAUT SELUAS 1.4050 HEKTAR (3.4718 KAR) UNTUK PEMBANGUNAN KEDIAMAN DAN PERNIAGAAN DARIPADA TETUAN PDC HERITAGE HOTEL SDN. BHD.

<p>24.3.2008</p>	<p>Pentadbir Tanah, DTL telah menerima permohonan daripada PDC Heritage Hotel Sdn. Bhd. untuk mengubah syarat nyata tanah daripada status pajakan kepada pegangan kekal.</p> <p>Syarat nyata tanah yang sedia ada ialah "Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan untuk tujuan bangunan hotel, perniagaan dan service apartment sahaja" ; hendak ditukar kepada: "Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan untuk tujuan kediaman dan perniagaan sahaja".</p> <p>Tempoh pegangan tanah ialah 99 tahun yang akan berakhir pada 24.5.2097.</p>
<p>29.1.2009</p>	<p>Kertas permohonan ini dibentangkan di Mesyuarat J/K Tanah dan keputusannya ditangguhkan untuk membolehkan YAB Ketua Menteri terlebih dahulu berbincang dengan PDC.</p> <p>Selepas tempoh ini PTG tidak menerima apa-apa maklum balas dari PDC</p>
<p>26.5.2009</p>	<p>Permohonan dibentangkan semula ke Mesyuarat J/K Tanah. Jawatankuasa telah melulus dan sahkan keputusan pada hari yang sama seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> a) PDC perlulah memegang 50% daripada ekuiti syarikat. b) Pengesahan pegangan ekuiti 50:50 antara PDC dan juga Syarikat YTL perlulah disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia. c) Semua bayaran yang berkaitan dengan permohonan perlu ditanggung oleh pihak Syarikat YTL. <p>Di mesyuarat yang sama PTG diarahkan supaya menyediakan kertas MMK dengan segera untuk dibentangkan di Mesyuarat MMK pada esok hari</p>

	(27.5.2009).
27.5.2009	<p>Kertas MMK mengenai permohonan ini telah dibentangkan di Mesyuarat MMK sebagai Kertas Bil. 343/2009. Sebelum MMK meluluskan kertas tersebut, beberapa pandangan yang direkodkan adalah seperti berikut:-</p> <p>a) Pandangan Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri bahawa tambahan 1% ekuiti kepada PDC sepatutnya dibayar oleh PDC sendiri.</p> <p>b) Pandangan Y.B. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri bahawa penukaran jenis pegangan tanah daripada pajakan kepada pegangan kekal seharusnya atas '<i>special Circumstances</i>' seperti mana yang dikehendaki dalam Kanun Tanah Negara (KTN).</p> <p>Di Mesyuarat tersebut YAB Ketua Menteri memaklumkan bahawa tanah berkenaan telah terbiar begitu lama dan pihak YTL telah bersetuju untuk menanggung pemindahan ekuiti 1% kepada PDC supaya pegangan ekuiti yang baru ialah 50:50. Dengan demikian pihak YTL telah melepas kawalan majoriti atas PDC Heritage Hotel Sdn. Bhd. Keadaan projek terbengkalai dan memulihkan kuasa kembali kepada PDC merupakan '<i>special Circumstances</i>' seperti yang disebutkan.</p>
25.6.2009	<p>PT, DTL mengeluarkan surat kelulusan kepada PDC Heritage Hotel Sdn. Bhd. Bayaran-bayaran yang dikenakan adalah seperti berikut:-</p> <p>a) RM6,320,000.00 – premium tambahan untuk hakmilik kekal.</p> <p>b) RM1,896,751.38 – premium tambahan untuk tukar syarat nyata.</p>
30.6.2009	PDC Heritage Hotel Sdn. Bhd. mengemukakan rayuan kepada PT, DTL untuk pembayaran premium secara ansuran.
13.8.2009	Jawatankuasa Tanah memperakukan supaya permohonan rayuan tersebut ditolak.
26.8.2009	MMK membuat keputusan menolak permohonan rayuan untuk membayar premium secara ansuran.

